



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**Ministry of Agriculture and Food Industries**

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

**SIARAN MEDIA**

**PENANGGUHAN SAMBUTAN HARI PELADANG PENTERNAK DAN NELAYAN  
KEBANGSAAN (HPPNK 2021)**

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ingin memaklumkan program Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021 yang dijadual dilaksanakan secara *hibrid* di World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL), pada 21 hingga 23 Disember 2021, adalah **ditangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.**
2. Penangguhan ini adalah berikutan bencana banjir besar yang telah melanda serta menjejaskan beberapa lokasi di sekitar Lembah Klang dan kebanyakan kawasan di seluruh negara ketika ini.
3. Keputusan ini diambil sebagai pendekatan Kementerian dalam usaha dan misi untuk memberikan tumpuan kepada membantu golongan sasaran yang terjejas dan terkesan ekoran daripada bencana ini.
4. Misi dan bantuan kepada golongan petani, penternak dan nelayan serta keseluruhan rantaian agromakanan yang turut terjejas ini adalah bagi menjamin kelangsungan bekalan dan sekuriti makanan negara, selain demi menjaga keselamatan, kesihatan awam dan kesejahteraan Keluarga Malaysia.
5. Kementerian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan secara langsung atau tidak langsung oleh semua pihak yang terlibat dalam persediaan penganjuran HPPNK 2021. Semoga sokongan padu dan kerjasama erat ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**19 DISEMBER 2021**